



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI SABTU, 05HB., RAMADHAN 1445 / 16HB., MAC 2024
(HARI KETIGA BELAS)**

1. Do'a Selamat

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. JABATAN PERDANA MENTERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA08A hingga Tajuk SA16A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada hari Khamis, 14hb Mac 2024.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
 - Menyambut baik usaha untuk membuat transformasi perkhidmatan awam termasuk untuk merebu Perintah-Perintah Am Dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (*General Order*), dan menekankan dasar, peraturan dan panduan yang akan dibentuk semestinya adil, telus, jelas, demokratik dan tanpa

- ada penganiayaan, nepotisme, kronisme dan pilih kasih; dan
- Memohonkan pencerahan akan masalah dalam membuat penetapan lantikan pegawai-pegawai yang dilantik untuk memangku secara sementara.
- ii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
- Menyeru agar pihak Jabatan Perdana Menteri segera menguatkuaskan dan memberiarkan manual dasar dan peraturan mengenai gangguan di tempat kerja dalam perkhidmatan awam;
 - Mencadangkan satu talian khas disediakan bagi memudahkan masyarakat untuk mendapatkan nasihat dan maklumat serta membuat aduan awal mengenai jenayah gangguan di tempat kerja dengan menekankan kerahsiaan peribadi pengadu;
 - Menyarankan agar dasar mengenai gangguan seksual di tempat kerja tersebut diberiarkan secara meluas dan mengadakan kempen-kempen kesedaran secara menyeluruh yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan di pihak kerajaan dan swasta;
 - Berpendapat adalah penting bagi pihak Jabatan Perdana Menteri menerajui satu kaji selidik seumpamanya di peringkat nasional merangkumi seluruh penjawat awam di sektor kerajaan dan swasta sebagai susulan kepada kepada kaji selidik yang pernah dilaksanakan oleh Persatuan Siswazah Wanita yang bertujuan untuk mengetahui secara menyeluruh status terkini kes-kes gangguan yang berlaku di tempat kerja di negara ini.
- iii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
- Mencadangkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Negara untuk disiarkan secara langsung melalui siaran Radio Televisyen Brunei (RTB) bagi membolehkan orang ramai mengikuti dan mengetahui

susana perbahasan di sepanjang permesyuaratan berlangsung.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;

- Ingin mengetahui usaha-usaha yang dibuat bagi mengimbangi penguasaan kemahiran era teknologi digital dalam perkhidmatan awam tanpa meminggirkan warga yang kurang berkemahiran dalam menguasai teknologi baru dan apakah perancangan ke arah transformasi penggunaan sepenuhnya teknologi digital di jabatan-jabatan kerajaan.

v. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;

- Ingin mengetahui perancangan pihak kerajaan bagi menggalakkan anak tempatan untuk memilih bekerja di sektor swasta; dan
- Mencadangkan elaun-elaun yang bersesuaian untuk diberikan kepada kakitangan sektor swasta setara dengan kakitangan kerajaan seperti elaun kurnia khas bagi menggalakkan anak tempatan berkhidmat di sektor swasta.

vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Menyoalkan mengenai jumlah kekosongan rumah atau rumah pangsa yang belum didiami dan disewa dari jumlah keseluruhan unit yang dibangunkan oleh pihak Kerajaan dan apakah langkah-langkah Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menggunakan rumah tersebut secara maksima atau jika terdapat perancangan lain mengenainya;
- Ingin mengetahui jika terdapat tindakan-tindakan yang difikirkan bagi mengemaskini peraturan yang sedia ada dalam menangani isu rumah yang telah ditinggalkan dalam keadaan rosak dan bukan dalam kondisi asal di mana pihak Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan bagi menampung kerja pembaikan rumah-rumah tersebut;

- Menyoalkan tentang strategi Jabatan Penerangan dalam memperkasakan tugas dan fungsinya bagi menambah baik imej negara di peringkat antarabangsa dan mendukung aktiviti perekonomian negara dalam menarik pelabur asing; dan
 - Mencadangkan bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengadakan satu program latihan dan pendedahan (*training and exposure*) bagi pegawai dan kakitangan awam yang menerima dan memproses permohonan dari pihak sektor swasta dengan tujuan pendedahan akan alam pekerjaan di sektor swasta dan mengambil pengalaman berkaitan operasi perniagaan ataupun berganding bahu dengan peniaga tempatan membantu membuat permohonan ke pihak Kerajaan.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
- Menyoalkan mengenai perkongsian indikator aktiviti pekerja awam setakat ini dan juga indikator produktiviti pekerja awam jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja awam di ASEAN;
 - Memohon pencerahan jika terdapat usaha dan pelan tindakan untuk membantu agensi-agensi kerajaan menjalankan tugas dalam menyediakan alat proses penilaian untuk menilai produktiviti dan mengimbangkan beban kerja setiap jabatan, unit dan individu;
 - Memohon pencerahan jika ianya strategi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk sentiasa mempunyai kekosongan jawatan di sektor kerajaan dan apakah pelan lebih agresif dalam mengisi kekosongan jawatan;
 - Memohon pencerahan pencapaian sebenar tahun 2022/2023 yang hanya mencapai 6%, dan sebab-sebab sasaran tidak tercapai dan apakah rancangan agresif untuk mencapai sasaran selanjutnya;

- Menyoalkan jumlah jawatan memangku yang masih dijawat melebihi 6 bulan;
 - Mencadangkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam merebu anggaran sasaran lantikan baru dari 1000 setahun ke satu angka yang berpatutan mengambil kira graduan baru yang berkelulusan tinggi serta membuat penilaian bagi tambahan KPI baru iaitu peratusan kerja kosong dan jawatan kosong diisikan dalam tempoh 6 bulan;
 - Mencadangkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk membuat penilaian dan penelitian awal kepada pekerja-pekerja yang akan bersara dan memaklumkan kementerian-kementerian untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut dan membuat perancangan penggantian;
 - Memohon kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II memberikan kata-kata nasihat, motivasi atau keterangan kepada penjawat awam yang membuat keluhan kerana tidak tiada peluang dinaikkan pangkat.
- viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Menyeru agar pemberian elaun perjalanan sehala dapat diteliti dan dipertimbangkan dengan kadar elaun yang lebih bersesuaian mengikut jarak perjalanan pergi dan balik;
 - Mencadangkan skim elaun rumah dapat dikaji semula dengan pemberian elaun rumah jika tinggal di rumah sendiri bagi menggalakkan penjawat awam untuk tinggal di rumah sendiri dan bukan di rumah atau barek yang disewakan oleh pihak kerajaan; dan
 - Mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan dapat meneliti baki cuti tahunan yang hangus atau luput atas sebab-sebab aturan tugasan sehingga tidak berpeluang atau berkesempatan menghabiskan cuti tahunan dengan memberi pertimbangan pemberian insentif yang bersesuaian bagi menggantikan cuti-cutি yang hangus.

- ix. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;
- Mencadangkan pihak RTB memberi peluang tanpa mengira umur kepada anak-anak muda dan penyiar-penyiar radio dan televisyen yang bersara agar mereka dapat menyumbang bahan-bahan karya tempatan untuk mewarnai pelbagai rancangan televisyen dan secara langsung akan memberi peluang penggiat seni tanah air berkarya di bidang lakonan dan lain-lain.

2.1.4. Jawatankuasa seterusnya menimbulkan Tajuk SA18A hingga Tajuk SA27A dan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pendapat dan persoalan yang kemudian direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
 - Menyeru agar penyampaian maklumat kepada orang awam dilakukan secara tepat dan jelas seperti memberikan status *percentage of completion* pembaikan pada setiap masa atau setiap jam sehingga selesai kerja membaikpulih bagi mencegah spekulasi orang awam dan memberikan kepercayaan pihak Kerajaan melaksanakan kerja-kerja membaikpulih dalam masa tersebut.
- ii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
 - Mencadangkan agar pihak berkenaan membuat kaji selidik berdasarkan rungutan dan aduan pengguna berkaitan '*Unified Smart Metering System*' (*USMS*) serta hasil daripada kaji selidik dapat diperincikan kepada penggunaan bagi mengelak keraguan yang berterusan; dan
 - Ingin mengetahui jumlah syarikat yang dilantik untuk membekalkan dan memasang meter-meter *USMS* dan adakah usaha bagi menyediakan meter bersubsidi untuk golongan orang-orang pendapatan rendah.

- iii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;
- Mencadangkan supaya ditubuhkan Pusat Anti-Scam Kebangsaan (*National Anti-Scam Centre*) dengan kerjasama *Scams Task Force* dan *Cyber Security Brunei* (CSB) bagi memperkemas dan menyelaras proses birokrasi dengan lebih cekap;
 - Ingin mengetahui bagaimana pihak berkenaan menggalakkan mangsa penipuan yang terhalang oleh stigma untuk tampil membuat laporan serta memastikan pengumpulan bukti dan pemahaman yang cekap mengenai kes-kes kompleks ini;
 - Menyoalkan kaedah mengimbangi panduan dari orang ramai dalam mencari orang hilang dengan mengawal keselamatan privasi dan identiti dan apakah rancangan serta inisiatif untuk melindungi privasi individu yang sudah dikenal pasti dengan mengambil kira potensi jangka panjang bagi kesan maklumat peribadi yang dikongsikan secara meluas; dan
 - Menyeru agar pihak Kementerian mengeluarkan Garis Panduan Laporan Orang Hilang dan Kod Etika untuk kegunaan media dengan menekankan pengendalian maklumat sulit dan peribadi secara teliti kepada semua pihak yang berkaitan.
- iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
- Mencadangkan agar pihak Jabatan Peguam Negara bersama dengan agensi-agensi yang berkepentingan meneliti semula peruntukan undang-undang berkaitan dengan jenayah seksual kanak-kanak yang sedia ada dan merangka pindaan selaras dengan tren jenayah dalam talian khususnya berkaitan dengan kes *sextortion* kanak-kanak yang semakin berleluasa dan menyeru agar kes ini dianggap sebagai satu jenayah tersendiri dan mendapat peruntukan penalti yang setimpal;
 - Mencadangkan bagi program-program pendidikan dan pengetahuan am melalui rancangan-rancangan televisyen dan radio, media-media elektronik dan

cetak serta media sosial perlu diperkuuhkan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang definisi dan ancaman terhadap jenayah yang semakin berleluasa tersebut;

- Mengharapkan agar kapasiti sumber tenaga manusia termasuk kemahiran-kemahiran profesional dan pembekalan sistem-sistem dan aplikasi-aplikasi berteknologi tinggi dipertingkatkan mengikut keperluan dan tren semasa; dan
- Menyeru orang ramai terutamanya kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga untuk melaporkan sebarang kes jenayah seksual bagi melindungi kanak-kanak di negara ini dengan meningkatkan kesedaran awam dan membanteras jenayah tersebut.

v. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Ingin mengetahui jika pihak kerajaan berfikir untuk menyusun kembali dan memperkuuhkan lagi hala tuju dan fungsi *Centre for Strategic Policy Studies (CSPS)* dan menjadikan pusat ini sebagai pusat yang sentiasa membimbing dan berganding rapat dengan kementerian atau jabatan pekerjaan yang sedang dalam proses penggubalan dasar atau mana-mana perubahan dasar yang tidak mempunyai pakar penyelidikan pembuatan dasar;
- Mencadangkan untuk memperkenalkan sistem aduan di luar institusi kehakiman dan menangani aduan-aduan tersebut dengan cepat;
- Ingin mengetahui berkenaan sistem hukuman mahkamah yang ada pada masa ini dan menyeru agar sistem ini hendaklah diperhalusi dengan menjadikannya lebih telus, *transparent* dan mempunyai kriteria-kriteria yang terang;
- Menyeru agar mengurangkan kebergantungan mahkamah sivil dengan khidmat hakim pelawat supaya hakim-hakim tempatan boleh menimba pengalaman yang lebih luas;
- Ingin mengetahui jika terdapat perancangan atau ruang untuk pemilihan hakim-hakim mahkamah tinggi

- untuk diluaskan termasuk calon dari kalangan pengamal-pengamal undang-undang di sektor swasta dan akademi;
- Mencadangkan agar bantuan guaman diadakan bagi orang yang dituduh di bawah mahkamah syariah dengan tuduhan yang membawa hukuman mati; dan
 - Menyoal jika pihak Jabatan Perdana Menteri dapat memberi penjelasan mengenai usaha-usaha yang telah dan akan dibuat bagi menangani isu peluang pekerjaan bagi peguam tempatan;
- vi. Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat;
- Menyoalkan akan sebab lampu-lampu jalan raya yang rosak akibat kemalangan jalan raya yang dibiarkan bertahun-tahun tidak diperbaiki dan ada yang sampai tidak diperbaiki; dan
 - Memohon pencerahan sekiranya pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai perancangan untuk membaiki tiang-tiang elektrik yang rosak dan condong di Kampong Ayer.
- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Berpendapat prosedur yang digunakan negeri jiran yang menghalang orang berhutang untuk keluar negeri boleh melindungi dan membantu peniaga tempatan yang berkongsi perniagaan dengan peniaga luar negeri serta membuat orang yang berhutang lebih serius untuk membayar hutang; dan
 - Mencadangkan supaya undang-undang larangan keluar negara berkenaan direbiu dan dikemaskini oleh pihak berkuasa.
- 2.1.5. Tajuk SA01A hingga SA27A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
 - 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
-

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI ISNIN, 18HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]
